

<b>m/s</b>	<b>Kalimah</b>	<b>Makna</b>
2	Mempersendakan ajaran agama	Menjadikan ajaran tersebut sebagai bahan mainan dan senda gurau, atau melaksanakan perintah agama secara olok-olok
16	Ibadah umum	Semua perkara harus yang dilakukan dengan niat ibadat seperti makan,minum dan mencari rezeki.
16	Ibadah khusus	Semua ibadat fardu dan sunat seperti solat, puasa dan sedekah.
17	Ikhlas	Melakukan ibadat dengan niat yang benar kerana Allah.
18	Syirik	Menyekutukan Allah dengan benda-benda lain.
35	Khurafat	Kepercayaan dan amalan yang tidak berasaskan ajaran Islam.
49	Khusyuk	Menghadirkan kepatuhan dan rasa takut kepada Allah di dalam hati.
73	Taaruf	Berkenal-kenalan antara satu sama lain.
86	Ulum al-Quran	<p>Dari segi bahasa :-</p> <p>Ulum – kata jamak bagi perkataan ilmu yang bermaksud pengetahuan</p> <p>Al-Quran – bacaan</p> <p>Dari segi istilah :-</p> <p>Al-Quran – Kalamullah yang bermukjizat yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. melalui malaikat Jibril dalam bahasa Arab, diriwayatkan secara mutawatir dan membacanya adalah ibadat bermula daripada surah al-Fatiha dan berakhir dengan surah an-Nas.</p> <p>Ulum al-Quran – Satu gagasan ilmu yang mengkaji tentang al-Quran dan perkara yang berkaitan dengannya seperti sejarah penurunan, penulisan dan pengumpulannya, sabab an-Nuzul, al-Maki walmadani an-Nasakh walmansukh.</p>
92	Al-Kitab	Sebuah kitab.
92	Al-Furqan	Pemisah antara hak dan batil.
93	Az-Zikru	Peringatan
93	At-Tanzil	Penurunan
93	An-Nur	Cahaya yang menerangi kegelapan
94	Al-Mubin	Menerangkan sesuatu
94	Al-Huda	Petunjuk
94	Ar-Rahmah	Kerahmatan
96	Mukjizat	<p>Dari segi bahasa:-</p> <p>Berasal daripada kata kerja <i>a'jaza-yu'jizu-l'jazan</i> bermaksud melemahkan.</p> <p>Dari segi istilah:-</p> <p>Perkara luar biasa yang dianugerahkan oleh Allah kepada seseorang Rasul sebagai bukti kebenaran risalah yang dibawa oleh mereka kepada umat</p>

		manusia.
96	Mukjizat hissi	Mukjizat yang dapat dikesan dan dilihat oleh pancaindera.
96	Mukjizat maknawi	Mukjizat yang dapat dikesan dan dihayati melalui minda dan mata hati.
97	Sihir	Perkara yang dilakukan oleh manusia dengan pertolongan syaitan untuk menyesatkan manusia.
97	Silap mata	Sesuatu tipu muslihat yang dilakukan oleh manusia melalui kepantasan tangan dan teknikal.
97	Ilham	Perolehan sesuatu idea oleh manusia sama ada secara spontan, melalui mimpi atau proses berfikir.
97	Irhas	Perkara yang berlaku kepada para nabi sebelum mereka diutus menjadi rasul.
97	Istidraj	Sesuatu kelebihan yang diberikan oleh Allah kepada manusia untuk menambahkan lagi kesesatan mereka.
97	Ma'unah	Pertolongan Allah kepada manusia biasa untuk menyelamatkan mereka dari sesuatu malapetaka atau bencana.
97	Karamah	Sesuatu kelebihan yang diberi oleh Allah kepada hamba yang beriman dan bertaqwa.
103	Wahyu	<p>Dari segi bahasa :-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Al-Ilham al-Fitri (yang diberi oleh Allah kepada manusia biasa seperti yang diberi kepada ibu Nabi Musa) ,</li> <li>2. Al-Ilham al-gharizi (yang diberi oleh Allah kepada haiwan seperti yang diberikan kepada lebah),</li> <li>3. Isyarat pantas (yang diberikan oleh Nabi Zakaria kepada kaumnya),</li> <li>4. Bisikan dan godaan syaitan terhadap manusia,</li> <li>5. Perintah Allah kepada para malaikat</li> </ol> <p>Dari segi istilah:-</p> <p>Kalamullah yang diturunkan kepada seseorang nabi atau rasul sebagai ajaran agama mengikut cara yang khusus.</p>
111	Nuzul al-Quran	Proses penurunan wahyu al-Quran mengikut cara-cara yang tertentu.
127	Akhlik	Perbuatan, perkataan dan tingkah laku yang elok serta indah berpandukan al-Quran dan sunnah Rasulullah s.a.w.
133	Sihat	Suatu keadaan seseorang itu tidak mengahadapi sebarang penyakit.
133	Masa lapang	Keadaan seseorang itu tiada sesuatu pekerjaan yang hendak dilakukan.
151	Jihad	Berasal dari perkataan arab iaitu jahada yang bererti keberatan dan kesusahan.
158	Hadis	Dari segi bahasa:- Baru

		Dari segi istilah:- Perkataan, percakapan dan perkhabaran, perbuatan, taqrir, atau sifat yang disandarkan kepada Nabi Muhammad s.a.w.
160	As-Sunnah	Dari segi bahasa:- Perjalanan, gaya, dan tingkah laku dalam kehidupan.  Dari segi istilah:- Sesuatu yang disandarkan kepada Nabi s.a.w. dari perkataan, perbuatan, taqrir (pengakuan) atau sifat sama ada sebelum perutusan atau selepas perutusan. Sunnah juga dinisbahkann kepada sahabat atau at-Tabi'in sama ada perkataan atau perbuatan.
160	Al-Khabar	Dari segi bahasa:- Berita yang disampaikan.  Dari segi istilah:- Sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. dari perkataan, perbuatan, taqrir (pengakuan), sifat peribadi dan sifat yang dinisbahkan kepada sahabat atau at-Tabi'in sama ada perkataan atau perbuatan.
160	Al-Asar	Dari segi bahasa:- Kesan atau bekas daripada sesuatu.  Dari segi istilah:- Sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. dari perkataan, perbuatan, taqrir (pengakuan), sifat peribadi dan sifat yang dinisbahkan kepada sahabat atau at-Tabi'in.
161	Ulum al-hadis	Suatu kaedah untuk mengetahui keadaan sanad dan matan sama ada diterima atau ditolak.
167	Orientalis	Golongan cerdik pandai orang Eropah yang terdiri daripada orang Yahudi, Kristian, atheis, dan lain-lain yang membenci agama Islam.
170	Ilmu hadis riwayah	Suatu ilmu pengetahuan mengenai perkara yang disandarkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. secara khusus sama ada perkataan, perbuatan, taqrir, sifat dan tingkah laku.
170	Ilmu hadis dirayah	Suatu ilmu untuk mengetahui keadaan sanad dan matan dari sudut diterima atau ditolak yang berhubung kait dengannya. Ilmu hadis dirayah juga dikenali sebagai:- - Ulum al-Hadis - Usul al-Hadis - Musthalah al-Hadis
181	Hadis Mutawatir	Dari segi bahasa:- Berterusan atau berturutan  Dari segi istilah:- Suatu hadis yang diriwayatkan oleh sejumlah perawi

		atau sanad yang ramai dan pada adat adalah mustahil mereka berpaktak melakukan pendustaan terhadap hadis Rasulullah s.a.w.
182	Hadis Ahad	<p>Dari segi bahasa:- Satu</p> <p>Dari segi istilah:- Hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi atau dua orang atau lebih yang tidak memenuhi syarat-syarat hadis mutawatir.</p>
183	Hadis masyhur	<p>Dari segi bahasa:- Yang termasyhur atau terkenal</p> <p>Dari segi istilah:- Suatu hadis yang diriwayatkan oleh tiga orang perawi atau lebih pada setiap peringkat tetapi tidak sampai had dan tahap hadis mutawatir.</p>
184	Hadis Aziz	<p>Dari segi bahasa:- Sedikit dan jarang-jarang.</p> <p>Dari segi istilah:- Suatu hadis yang diriwayatkan oleh dua orang perawi dari setiap peringkat.</p>
184	Hadis Gharib	<p>Dari segi bahasa:- Tunggal</p> <p>Dari segi istilah:- Suatu hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi pada setiap atau mana-mana peringkat.</p>
186	Hadis Sahih	Suatu hadis yang diriwayatkan oleh rangkaian perawi hadis yang adil, dhabit, bersambung sanad, tiada illah serta tiada shaz.
186	Dhabit	Suatu ketetapan pada seseorang perawi iaitu tiada perubahan ingatan jika diriwayatkan melalui lisan dan tiada perubahan tulisan jika diriwayatkan melalui penulisan.
187	Dhabit hifz (ingatan)	Perawi hadis yang mampu meriwayatkan hadis-hadis kepada sesiapa pada bila-bila masa yang diperlukan serta mengingati daripada siapa setiap hadis ini diterima.
187	Dhabit kitab (tulisan)	Perawi hadis yang mampu menjaga tulisan-tulisan dan catatan hadis yang diterima dengan baik tanpa berlaku sebarang kerosakan pada tulisannya.
187	Tiada shaz	Tiada percanggahan antara riwayat perawi yang siqah dengan perawi yang lebih siqah daripadanya.
187	Tiada 'illah	Tiada sesuatu kecatatan atau kelemahan yang tersebunyi dan tidak dapat dikesan dengan mudah.
188	Hadis Sahih lizatihi	Hadis yang diriwayatkan oleh rangkaian perawi hadis yang adil dan dhabit, bersambung sanad, tiada illah serta tiada shaz.

188	Hadis Sahih lighairihi	Hadis hasan yang disokong oleh riwayat lain yang setaraf dengannya atau lebih kuat daripadanya.
188	Hadis hasan	Hadis yang memenuhi syarat-syarat hadis sahif seperti perawi yang adil, sanadnya bersambung, tiada shaz dan tiada 'illah tetapi kurang sempurna dari segi dhabitnya sahaja.
189	Hadis hasan lizatihi	Hadis yang memenuhi syarat-syarat hadis sahif seperti perawi yang adil, sanadnya bersambung, tiada shaz dan tiada 'illah tetapi kurang sempurna dari segi dhabitnya sahaja.
189	Hadis hasan lighairihi	Hadis dhaif yang sederhana kedhaifannya, tetapi ia disokong oleh riwayat yang lebih kuat atau setaraf dengannya.
190	Hadis dhaif	Suatu hadis yang tidak memenuhi suatu atau lebih daripada syarat-syarat hadis maqbul iaitu hadis sahif dan hasan.
194	Sanad	Rangkaian perawi-perawi hadis daripada pengumpul sehingga kepada Rasullullah s.a.w. (Jalan yang menghubungkan kepada matan hadis)
194	Isnad	Menyandarkan sesuatu hadis melalui rangkaian perawi.
194	Musnad	Nama sejenis kitab hadis yang disusun berdasarkan nama sahabat Rasulullah s.a.w. secara berturutan.
194	Musnid	Orang yang meriwayatkan hadis dengan isnadnya sama ada mengetahui ilmu hadis atau tidak.
194	Rawi	Orang yang meriwayatkan hadis Rasulullah s.a.w.
195	Matan	Lafaz-lafaz hadis yang membentuk perngertian sesudah sanad atau dilafazkan oleh Rasulullah s.a.w.
197	Adab	Tatacara tingkah laku yang baik dalam pelbagai situasi yang menepati syariat Allah.
206	Amar Makruf	Menyeru manusia melakukan kebaikan
206	Nahi Munkar	Mencegah daripada melakukan kemungkaran atau maksiat.
220	Menziarahi jenazah	Melawat keluarga yang ditimpa kedukaan disebabkan kematian salah seorang ahli keluarga.
224	Tempat rekreasi	Tempat untuk melakukan kegiatan yang menyeronokkan bagi menyegarkan kembali kesihatan badan serta melapangkan fikiran seperti beristirahat, menghiburkan hati atau beriadah.
229	Kemudahan awam	Suatu tempat, bangunan atau peralatan yang disediakan untuk kegunaan orang awam sama ada secara percuma atau dengan bayaran.
246	Sosial	Perhubungan di antara manusia dalam masyarakat dengan tujuan menjaga kepentingan bersama.

<b>m/s</b>	<b>Kalimah</b>	<b>Makna</b>
2	Kafir Zimmi	Orang kafir yang menetap dalam negara Islam serta patuh dan taat kepada pemerintah dan negara Islam
2	Kafir Musta'man	Orang kafir yang melarikan diri dari negara asal mereka dan meminta perlindungan negara Islam.
2	Kafir Mu'ahad	Orang kafir yang membuat perjanjian dengan negara Islam.
2	Kafir Harbi	Orang kafir yang sentiasa menunjukkan permusuhan dengan umat Islam dan negara Islam.
21	Dosa besar	Kesalahan-kesalahan yang akan diberi balasan oleh Allah dengan azab yang pedih di akhirat dan ditentukan hukuman semasa di dunia.
21	Dosa kecil	Kesalahan-kesalahan yang tidak diberi peruntukan hukuman tertentu di dunia atau amaran azab di akhirat.
21	Taubat	Dari segi bahasa:- Kembali  Dari segi istilah:- Berhenti daripada melakukan maksiat, menyesal akan kesalahan lalu dan berazam tidak akan mengulangi lagi.
23	Istiqamah	Tekal, tetap dan berterusan serta sentiasa meningkatkan kebaikan.
29	Tawakal	Berserah diri kepada Allah setelah berusaha dan berikhtiar bersungguh-sungguh.
34	Zina	Persetubuhan yang dilakukan oleh seorang lelaki dengan seorang perempuan tanpa nikah yang sah mengikut hukum syarak.
34	Penzina ghairu muhsan	Penzina yang belum berkahwin melalui akad nikah yang sah.
34	Penzina muhsan	Penzina yang melakukan persetubuhan secara halal melalui akad nikah yang sah, sama ada masih dalam ikatan perkahwinan atau telah bercerai.
36	Qazaf	Menuduh perempuan yang baik dan suci dengan tuduhan zina atau menafikan keturunannya.
37	Li'an	Sumpah seorang suami yang mendakwa atau menuduh isterinya melakukan zina tanpa saksi atau menafikan keturunannya.
42	Aurat	Dari segi bahasa:- Sesuatu yang mengaibkan.  Dari segi istilah :- Bahagian tubuh badan seseorang yang wajib ditutup dan dilindungi daripada pandangan bukan mahram atau ajnabi.
48	Nur	Cahaya

		Yang dimaksudkan dalam ayat 24 surah an-Nur ialah iman.
48	Hidayah	Bimbingan atau petunjuk daripada Allah kepada hamba-hamba yang dikehendaki-Nya yang membawa kepada kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.
55	Iman	Memberarkan dengan hati, ikrar dengan lidah dan beramal dengan anggota.
55	Fasik	Orang Islam yang berdosa ('asi) kerana berterusan melakukan larangan-larangan Allah dan meninggalkan suruhan-Nya.
61	Al-Waq'i'ah	Nama lain bagi hari kiamat yang bermaksud hari yang pasti berlaku Cuma masanya sahaja yang tidak diketahui.
71	Ar-Rahman	Maha Pemurah
71	Ar-Rahim	Maha Penyayang
71	Al-Malik	Maha Menguasai dan Memiliki
71	Al-Quddus	Masa Suci
71	As-Salam	Maha Selamat Sejahtera
71	Al-Mukmin	Maha Melimpahkan Keamanan
71	Al-Muhaimin	Maha Pengawal dan Pengawas
71	Al-Aziz	Maha Kuasa
71	Al-Jabbar	Maha Kuat
71	Al-Mutakabbir	Maha Melengkapi
71	Al-Khaliq	Maha Menciptakan sekalian alam
71	Al-Bari'	Maha Mengadakan
71	Al-Musawwir	Maha Membentuk Rupa
71	Al-Hakim	Maha Bijaksana
73	Syirik	Mempersekatukan Allah dengan sesuatu yang lain pada sifat uluhiyahnya atau pada sifat rububiyyah.
76	Makkiyah	Pendapat berdasarkan tempat: Ayat dan surah yang diturunkan di Mekah dan kawasan sekitarnya seperti Mina, Arafah dan Hudaibiyah sama ada sebelum atau selepas hijrah.  Pendapat berdasarkan kumpulan sasaran: Ayat dan surah yang ditujukan kepada penduduk Mekah dan kawasan sekitarnya.
77		Pendapat berdasarkan masa: Ayat dan surah yang diturunkan sebelum hijrah Rasulullah s.a.w. ke Madinah.
76	Madaniyah	Pendapat berdasarkan tempat: Ayat atau surah yang diturunkan di Madinah dan di kawasan sekitarnya seperti Badar dan Uhud sama ada sebelum atau selepas hijrah.  Pendapat berdasarkan kumpulan sasaran: Ayat atau surah yang ditujukan kepada penduduk Madinah dan kawasan sekitarnya.

77		Pendapat berdasarkan masa: Ayat atau surah yang diturunkan selepas hijrah.
89	Ilmu Tafsir	<p>Dari segi bahasa: Berasal daripada perkataan <i>fassara-yifassiru-tafsiran</i> yang bermaksud terang dan jelas.</p> <p>Dari segi istilah:</p> <p>1- Ilmu untuk memahami al-Quran al-Karim, menerangkan maknanya dan mengeluarkan hukum-hakam da hikmahnya. 2- Ilmu yang membahaskan tentang al-Quran al-Karim dari segi kehujahannya (dilalahnya), selaras dengan kehendak Allah sekadar kemampuan manusia.</p>
97	Tanggungjawab	Amanah yang dipikul seseorang untuk melaksanakan sesuatu tugas.
106	Niat	<p>Dari segi bahasa: Kehendak hati atau tujuan hati</p> <p>Dari segi istilah: Gerak hati kearah melaksanakan sesuatu pekerjaan dengan tujuan mencari keredaan Allah.</p>
107	Ikhlas	<p>Dari segi bahasa: Bersih dan suci</p> <p>Dari segi istilah: Niat yang tulus dan murni kerana Allah dalam melakukan segala amalan dan pekerjaan.</p>
112	Hijrah	<p>Dari segi bahasa: Berpindah meninggalkan sesuatu tempat untuk pergi ke tempat lain.</p> <p>Dalam konteks sejarah Islam: Perpindahan Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat baginda dari Mekah al-Mukarramah ke Madinah al-Munawwarah untuk mengembangkan Islam.</p> <p>Pengertian yang diberikan oleh ulama:</p> <p>1- Berpindah dari satu tempat lain seperti perpindahan Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat dari Mekah al-Mukarramah ke Madinah al-Munawwarah. 2- Perpindahan yang lebih meluas merangkumi perubahan kepada hidup yang lebih baik, lebih maju, lebih mulia dan lebih hampir kepada rahmat Allah.</p>
135	Tawakal	<p>Dari segi bahasa: Pasrah diri</p> <p>Dari segi istilah: Menyerahkan segala keputusan kepada Allah setelah</p>

		melaksanakan segala usaha dengan bersungguh-sungguh.
138	Hadis marfu'	<p>Pengertian bahasa: Yang diangkat</p> <p>Pengertian istilah: Hadis yang disandarkan kepada Rasulullah sama ada perkataan, perbuatan, pengakuan atau sifat-sifat baginda s.a.w.</p>
139	Hadis mauquf	<p>Pengertian bahasa: Terhenti</p> <p>Pengertian istilah: Hadis yang disandarkan kepada sahabat sahaja sama ada perkataan, perbuatan atau pengakuan. Tidak ada tanda hadis ini dihubungkan kepada Nabi Muhammad s.a.w.</p>
140	Hadis Mursal	<p>Pengertian bahasa: Gugur atau putus</p> <p>Pengertian istilah: Hadis yang disandarkan oleh tabi'in kepada Rasulullah s.a.w. tanpa menyebut nama sahabat.</p>
142	Hadis Maqtu'	<p>Pengertian bahasa: Terputus</p> <p>Pengertian istilah: Hadis yang disandarkan kepada tabi'I sahaja sama ada perkataan atau perbuatannya, tanpa dikaitkan dengan sahabat atau Nabi Muhammad s.a.w.</p>
143	Hadis Shaz	<p>Pengertian bahasa: Janggal dan bercanggah dengan kumpulan yang ramai</p> <p>Pengertian istilah: Hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang maqbul dan siqah tetapi bercanggah dengan perawi-perawi lain yang lebih siqah daripadanya.</p>
144	Hadis Maudhu'	<p>Pengertian bahasa: Rendah</p> <p>Pengertian istilah: Hadis yang diriwayatkan atau terdapat dalam rangkaian sanadnya seorang perawi kazzab iaitu perawi yang membuat satu hadis palsu dengan sahaja walaupun sekali sahaja.</p>
147	Al-Muhaddis	Gelaran untuk ulama yang menguasai hadis sama ada dari segi riwayah atau dirayah, seperti mampu membezakan hadis dhaif dan hadis sahih, mengetahui sifat-sifat orang yang meriwayatkan hadis, menguasai periwayatan hadis yang mukhtalif

		dan hal-hal lain berkaitan dengan ilmu hadis.
147	Al-Hafiz	Gelaran untuk ulama yang memiliki sifat-sifat al-Muhaddis di samping dapat menghafaz dan menguasai tidak kurang daripada 100 000 hadis dari segi sanad dan matannya.
148	Al-Hujjah	Ge;aran untuk ulama yang memiliki sifat-sifat al-Hafiz dan menghafaz serta menguasai tidak kurang daripada 300 000 hadis berserta matannnya.
148	Al-Hakim	Gelaran untuk ulama yang dapat menguasai melebihi 700 000 hadis, iaitu dari segi riwayah dan dirayah.
155	Muttafaqu alaih/ Akhrajahu as-Syaikhan	Hadis yang disepakati oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim.
155	Akhrajahu as-Salasah	Hadis yang diriwayatkan oleh tiga orang perawi iaitu Abu Daud, at-Tirmizi dan an-Nasa'i.
155	Akhrajahu al-Arba'ah/ akhrajahu ashabu as-Sunan	Hadis yang diriwayatkan oleh empat orang perawi iaitu Abu Daud, at-Tirmizi, an-Nasa'l dan Ibnu Majah.
155	Akhrajahu al-Khamsah	Hadis yang diriwayatkan oleh lima orang perawi iaitu Abu Daud, at-Tirmizi, an-Nasa'l, Ibnu Majah dan Ahmad.
155	Akhrajahu as-Sittah	Hadis yang diriwayatkan oleh enam orang perawi iaitu al-Bukhari, Muslim, Abu Daud, at-Tirmizi, an-Nasa'l dan Ibnu Majah.
155	Akhrajahu al-Jama'ah	Hadis yang diriwayatkan oleh enam perawi seperti di atas (al-Bukhari, Muslim, Abu Daud, at-Tirmizi, an-Nasa'l dan Ibnu Majah) dan lain-lain ulama hadis seperti imam Malik, Imam as-Syafie, Imam al-Baihaqi, dan lain-lain.
157	Alam	Segala yang ada di langit dan di bumi.
165	Sedekah	Dari segi bahasa: Berasal daripada perkataan <i>sadaqa</i> yang bererti benar iaitu bukti kebenaran iman.  Dari segi istilah: Pemberian atau derma secara sukarela untuk membantu individu dan masyarakat di samping mendapat ganjaran daripada Allah.
165	Hadiah	Dari segi bahasa: Berasal daripada perkataan <i>hadaya</i> iaitu memberi.  Dari segi istilah: Pemberian sesuatu tanpa mengharapkan balasan yang bertujuan memuliakan atau memberi penghormatan kepada penerima.
172	Pidato	Ucapan yang membicarakan suatu perkara yang disampaikan kepada khalayak ramai.
178	Negara	Dari segi bahasa: Dalam bahasa Arab ialah <i>dara</i> , <i>bilad</i> dan <i>daulah</i> merujuk kepada himpunan tiga rukun : kuasa, rakyat dan wilayah.

		Negara Islam bermaksud negara yang didiami dan diperintah oleh umat Islam serta dilaksanakan syariat Islam.
183	Musafir	<p>Dari segi bahasa: Orang yang sedang di perjalanan atau pengembalaan</p> <p>Dari segi istilah: Mereka yang bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain dengan tujuan yang baik.</p>
187	Jual Beli	<p>Dari segi bahasa: Menukar sesuatu dengan sesuatu yang lain.</p> <p>Dari segi istilah: Akad pertukaran barang dengan barang yang membawa kepada pemilikan selama-lamanya.</p>
192	Berjuang	Melakukan sesuatu perkara dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan menurut syariat Islam.
200	Pemimpin	Orang yang mengetuai dan mengendalikan orang yang di bawah pimpinannya dalam sesebuah organisasi seperti keluarga, masyarakat, pertubuhan dan negara berdasarkan syariat Islam.